



# KOPERASI PEKERJA-PEKERJA KERAJAAN SABAH BERHAD

**KOPEKS (RCS: 135/63)**

Lot 40, 41 & 42, Blok F, Kompleks Sadong Jaya, Karamuning, Peti Surat 11418, 88815 Kota Kinabalu, Sabah Malaysia  
No. Tel: 088-245558 No. Faks: 088-241920 / 234573 URL: <http://www.kopeks.net>

## NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-44

**DENGAN INI ADALAH** dimaklumkan kepada semua anggota KOPEKS bahawa Mesyuarat Agung Tahunan ke-44 Koperasi Pekerja-Pekerja Kerajaan Sabah Berhad akan diadakan pada **21 Julai 2019** bersamaan hari **Ahad** bermula jam **7.30 pagi** di **Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Kota Kinabalu, Likas, Kota Kinabalu.**

### AGENDA

1. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-43 yang diadakan pada 9 Disember 2018;
2. Menimbang laporan-laporan Lembaga, laporan Jawatankuasa Audit Dalaman dan Pandangan Suruhanjaya mengenai akaun bagi tahun berakhir 31 Disember 2018;
3. Menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit Koperasi dan Subsidiari dan laporan juruaudit bagi tahun kewangan 2018 serta pengagihan untung bersih teraudit bagi tahun kewangan 2018;
4. Menimbang dan meluluskan pelarasan anggaran belanjawan 2019 dan 2020, menimbang dan meluluskan anggaran belanjawan 2021 serta menimbang dan meluluskan anggaran belanjawan pembangunan, modal kerja dan had pelaburan maksimum 2019-2021;
5. Meluluskan elaun-elaun dan perbelanjaan kepada anggota Lembaga;
6. Meluluskan elaun-elaun dan perbelanjaan kepada Jawatankuasa Audit Dalaman;
7. Menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi;
8. Meluluskan pelantikan suatu panel yang tidak kurang daripada dua orang juruaudit, iaitu juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya untuk mengaudit akaun Koperasi;
9. Menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan atau pindaan kepada undang-undang kecil;
10. Menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan atau pindaan kepada aturan-aturan aktiviti;
11. Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa cadangan atau hal urusan lain Koperasi yang baginya suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari sebelum mesyuarat dipanggil telah diberikan kepada Koperasi;
12. Melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota dan empat orang anggota Lembaga untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-44;
13. Memilih lima (5) orang Anggota Lembaga dan mengumumkan keputusan pemilihan Anggota Lembaga 2019/2020;

Sekian.

Saya yang menjalankan tugas,

**(SATURAH BINTI HAJI JAMRAH @ MASTURAH)**

**SETIAUSAHA**

19 Jun 2019

s.k Pengarah,  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Sabah,  
Tingkat 7. Menara MAA, Api-Api Centre,  
Peti Surat 11276,  
88814 - Kota Kinabalu

### PERHATIAN

- 1 Pendaftaran akan dibuka pada **jam 7.30 pagi** dan akan ditutup tepat **jam 12.00 tengahari** atau sebaik sahaja mesyuarat ditangguhkan, **mana-mana yang terawal**. Pendaftaran yang lewat tidak akan dilayan.
- 2 Anggota yang telah mencukupkan syer minimum **RM200.00** sebelum mesyuarat berkenaan dan **membayar yuran bulanan RM50.00 secara berterusan** berhak dan layak hadir serta mengundi. Anggota yang bersara dan mengekalkan keanggotaannya hendaklah mempunyai simpanan yuran sekurang-kurangnya **RM1,000.00** dan syer minimum **RM200.00** serta membayar yuran bulanan minimum **RM30.00**, mereka juga berhak dan layak hadir serta mengundi. Anggota yang mempunyai tunggakan pembiayaan hendaklah mengemaskini dan menyenggarakan bayaran tersebut secara teratur agar tidak menimbulkan sebarang masalah semasa pendaftaran masuk.
- 3 **Hanya anggota yang mendaftar untuk Mesyuarat Agung Tahunan ke 44, 2019 sahaja layak mendapat elaun kehadiran.** Elaun kehadiran **TIDAK BOLEH** dituntut di pejabat KOPEKS.
- 4 Anggota **DIMESTIKAN** mengemukakan Kad Pengenalan bagi tujuan pendaftaran. Anggota yang tidak mengemukakan dokumen tersebut **TIDAK DIBENARKAN** mendaftar dan mengundi.
- 5 Penyata Akaun, Bajet, Minit Mesyuarat Agung ke-43, Penyata Kewangan Anak Syarikat dan laporan-laporan lain yang berkaitan boleh diperolehi pada Mesyuarat Agung tersebut atau dimuat turun dan cetak melalui laman sesawang KOPEKS: <http://www.kopeks.net>.
- 6 Semua usul mesti disampaikan kepada Setiausaha di alamat: KOPEKS Peti Surat 11418, 88815, Kota Kinabalu atau Faksimilikan ke 088-234573 **7 HARI** sebelum tarikh Mesyuarat Agung iaitu 10 Julai 2019 sebelum jam 4.30 petang.
- 7 **Anggota adalah dilarang membawa bersama kanak-kanak masuk ke dalam Dewan Mesyuarat.**
- 8 Pakaian untuk menghadiri Mesyuarat ini hendaklah **PAKAIAN KERJA**.
- 9 Maklumat penuh akaun KOPEKS boleh didapati di pejabat KOPEKS atau muat turun di laman web [www.kopeks.net](http://www.kopeks.net). **Semua dokumen mesyuarat yang telah dihantar kepada anggota hendaklah dibawa pada hari Mesyuarat Agung Tahunan.**
- 10 Sebarang pertanyaan berkenaan Mesyuarat Agung Tahunan, sila hubungi talian : 088-245558 atau Faks: 088-234573.